

# Pembangunan era digital di Kampung Sungai Lundu

LUNDU, Jumaat – Keperluan memenuhi tanggungjawab korporat sosial kini menjadi keutamaan Penujuk Prestasi Utama (KPI) di kebanyakan organisasi.

Sarawak Information Systems Sdn Bhd (SAINS) yang merupakan pemain utama di dalam bidang ICT negeri ini turut tidak melupakan tanggungjawab itu.

Dengan kerjasama dari Kementerian Pembangunan Luar Bandar, usaha untuk membangunkan era digital ICT di kawasan pedalaman Sarawak sudah dilaksanakan sejak 2006.

Di bawah inisiatif itu, SAINS telah menyediakan program latihan kepada golongan belia dan turut membantu mereka menyediakan perkhidmatan ICT kepada komuniti di kawasan masing-masing melalui Program ICT Desa Asas Rumah Teknopreneur Terpimpin (RIGHT).

Selain itu, SAINS juga menjalankan program mengangkat graduan RIGHT dengan terus memberi tunjuk ajar bagi menambah pengalaman mereka di kalangan penduduk pedalaman.

Majlis pada hari ini menyaksikan seorang anak watan Kampung Sungai Lundu, Nina Bobo Philip Bawel, graduan wanita pertama program itu membuka Pusat Perkhidmatan RIGHT Internet.

Sebanyak enam komputer terpakai telah didermakan oleh SAINS kepada Nina untuk kegunaan operasi ICT itu yang mampu mendatangkan sumber pendapatan kepadanya dan membolehkan hasrat penggunaan ICT di kawasan luar bandar.

Ketua Pegawai Eksekutif SAINS, Teo Tien Hiong bersama dengan Ketua Penolong Setiausaha kepada Menteri Pembangunan Luar Bandar Sarawak, Haji Hamsien Haji Atar, mewakili Setiausaha Tetap Kementerian Pembangunan Luar Bandar Haji Chaiti Bolhassan telah hadir untuk merasmikan sekali gus memberi ucapan tahniah kepada Nina di atas komitmen beliau untuk terus berjaya.

Teo menjelaskan bahawa beliau berasa berbesar hati untuk melihat peserta wanita pertama

membuka Pusat Perkhidmatan RIGHT Internet dan beliau ingin memberi sokongan kepada lebih ramai calon, khususnya golongan wanita untuk menyahut cabaran sebagai pelopor ICT di kawasan masing-masing.

Beliau melahirkan kepuasan kerana program RIGHT yang bermula dalam skala kecil-kecilan sebelum ini terus berkembang pesat untuk beberapa tahun ini. Beliau turut berharap agar institusi kerajaan lain dan sektor swasta bersama-sama tampil membantu mendekatkan hubungan digital di negeri ini.

Menurut Haji Hamsien, Program RIGHT telah memainkan peranan penting di kawasan tersebut berasaskan konsep bermula dari rumah.

"Nina merupakan satu lagi kisah kejayaan buat program RIGHT. Majlis hari ini menunjukkan sokongan padu daripada masyarakat kampung untuk memajukan program ini," kata beliau.

RIGHT Internet dan Pusat Perkhidmatan di Kampung Sungai Lundu beroperasi setiap hari

dari jam 9 pagi.

Pusat itu juga menawarkan perkhidmatan internet dan latihan mengenai automasi pejabat kepada pelanggannya.

Ia merangkumi ahli komuniti, pelajar, remaja dan guru di kampung itu.

Nina yang merupakan peserta RIGHT Program tahun 2008 dari Kampung Sungai Lundu berkata, selain membekalkan perkhidmatan latihan, beliau juga menyediakan perkhidmatan membaiki komputer, mengimbas, fotokopi dan percetakan.

Pusat itu juga menjual peralatan komputer. Selain itu, beliau juga mereka bentuk kad kahwin dan mencetak gambar untuk penduduk itu.

"Bantuan yang disumbangkan oleh SAINS memudahkan saya memulakan perniagaan saya dengan kos minimum. Pusat ini menjaga pendapatan tambahan sekitar RM900 sebulan kepada saya," kata Nina.

Nina turut menandatangani MOU di antara Sarakup Indu Dayak Sarawak dan Zenith ICT



SAINS telah menyediakan program latihan kepada golongan belia dan turut membantu mereka menyediakan perkhidmatan ICT.

Centre, milik syarikatnya bagi menyediakan latihan komputer kepada 43 ahli persatuan itu.

Program RIGHT bermula pada 2005, seiring dengan cita-cita kerajaan negeri Sarawak untuk mendekatkan hubungan digital. Calon peserta program RIGHT yang terpilih diberi latihan selama

enam bulan oleh SAINS sebelum mereka kemudiannya didedahkan kepada pelbagai aspek operasi ICT.

Sehingga kini, SAINS telah membantu menubuhkan dua lagi Pusat Perkhidmatan Internet yang diselenggarakan oleh peserta RIGHT, iaitu di Kampung Baru Hulu,

Betong dan Sebangon, Simunjan.

SAINS akan terus membantu peserta RIGHT di kawasan luar bandar lain berdasarkan kepada kewujudan peserta di kawasan itu.

Untuk maklumat lanjut layari laman web Program RIGHT, [www.right.sarawak.gov.my](http://www.right.sarawak.gov.my).